


Akta baru tangani masalah sosial belia

Rang undang-undang bukan untuk mengongkong

BH - 9/5/2007.



Laporan Abdul Halim Yusoff dan Hanneeyzah Bariah Baharin

RANG Undang-Undang Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2006 bertujuan memastikan perkembangan kegiatan belia dapat dipertingkatkan bagi membolehkan golongan itu menjadi penyumbang cemerlang modal insan negara.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Liow Tiong Lai (**gambar**), berkata rang undang-undang itu bukan hendak mengongkong atau menyekat pembangunan belia, sebaliknya membantu perkembangan kegiatan golongan itu.

Katanya, undang-undang itu juga memperjelaskan komitmen kerajaan untuk membantu memperkasakan belia yang akan menjadi pemimpin negara pada masa depan.

"Tujuan rang undang-undang ini untuk menjamin kepentingan, kebajikan dan kesejahteraan belia supaya mereka menjadi warga negara bertanggungjawab kepada negara.

"Ia juga satu tanggungjawab berat kementerian dengan pertubuhan belia



adalah satu agenda penting dalam misi nasional iaitu pembangunan modal insan," katanya pada sidang media selepas menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Pertubuhan dan Pembangunan Belia 2006 di Dewan Rakyat, semalam.

Liow berkata, rang undang-undang itu bakal menjadi titik permulaan untuk menangani masalah sosial dan gejala negatif di kalangan belia ketika ini terutama isu mat rempit, penagihan dadah dan lepak.

Rang undang-undang itu turut mewujudkan institut penyelidikan dan Majlis Perundingan Belia Negara un-

tuk berunding dengan semua pihak berkaitan dalam menghasilkan input bagi membantu pergerakan dan pembangunan belia negara.

Ia juga menetapkan mereka yang berusia antara 15 hingga 40 tahun layak menyertai pertubuhan belia yang didaftarkan menerusi kementerian berkenaan. Semua pertubuhan belia juga perlu mendaftar dengan Kementerian Belia dan Sukan bagi memudahkan penyaluran bantuan.

"Kementerian memberi jaminan pertubuhan belia yang mendaftar menerusi kementerian akan menikmati pelbagai insentif yang akan membantu perkembangan belia dan pertubuhan," katanya.

Liow berkata, rang undang-undang itu juga memberi kuasa mutlak kepada menteri untuk membuat sebarang keputusan berhubung perkara berkaitan belia dengan tidak mengetepikan pendaftar yang mempunyai kuasa jelas seperti terkandung dalam rang undang-undang itu.

Ketika sesi perbahasan, isu umur belia yang ditetapkan setakat 40 tahun hangat diperdebatkan Ahli Parlimen yang antara lain mempertikaikan kepimpinan pertubuhan belia yang banyak diterajui mereka yang berusia lebih 40 tahun.

Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah) menyuarakan kebimbangan penetapan syarat itu akan menghilangkan minat belia untuk menyertai pertubuhan.